

Umur bersara: Kesediaan PM jumpa CUEPACS dihargai

UM 13 JAN 2000

KUALA LUMPUR 12 Jan. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) hari ini berterima kasih kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan kesediaannya untuk bertemu wakil badan itu bagi membincangkan soal had umur persaraan kakitangan awam.

Presidennya, N. Siva Subramaniam berkata pihaknya gembira dengan kesediaan Perdana Menteri untuk berbincang dengan CUEPACS mengenai cadangan melanjutkan had umur persaraan daripada 55 tahun kepada 58 tahun.

“Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kesediaannya berbincang dengan pihak kami, dan terpujalah kepada beliau untuk menentukan bila tarikh yang sesuai bagi pertemuan itu,” ujarnya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya lagi, CUEPACS kini dalam proses menyediakan hujah-hujah tambahan yang bakal dikemukakan kepada Dr. Mahathir kelak.

“Bagaimanapun, terpujalah kepada pihak kerajaan sama ada mahu menerima cadangan ini atau sebaliknya.

“Kita yakin akan dapat menyiapkan dan membentangkan semua hujah tambahan yang bakal dikemukakan dalam pertemuan yang dijangkakan pada Mac ini,” tambahnya.

Semalam, Perdana Menteri menyatakan kesediaan beliau untuk berjumpa dengan wakil CUEPACS bagi membincangkan cadangan berhu-

bung lanjutan had umur persaraan kakitangan awam.

Siva menambah, disebabkan sektor pekerjaan rakyat negara ini dijangka semakin bertambah menjelang tahun 2020, kerajaan semestinya memerlukan tenaga kakitangan yang banyak.

“Sesuai dengan jangka hayat wanita sehingga 73 tahun, dan lelaki 71 tahun, kita cuba mengelakkan generasi pekerja yang bersara ketika berusia 55 tahun dan hanya berehat sehingga ke akhir hayat mereka.

“Sekurang-kurangnya, kakitangan awam boleh menyumbangkan khidmat mereka berdasarkan pengalaman dan bidang tugas masing-masing,” jelasnya.

Menurutnya, keperluan tenaga sumber manusia dijangka meningkat kepada 1 juta orang menjelang tahun 2020.

Di samping itu, menurut Siva lagi, sindrom rakyat Malaysia yang berkahwin lambat kini turut memberi kesan sekiranya had umur persaraan dilanjutkan.

“Tempoh persaraan yang dilanjutkan, dapat membantu kakitangan yang berkahwin lambat untuk menyara kehidupan keluarga mereka sebelum bersara kelak,” katanya.

Beliau menambah, cadangan itu dijangka dapat membantu mengurangkan masalah yang bakal timbul sekiranya had umur tersebut masih dikekalkan.